

Keperibadian mulia anak perlu dibentuk sejak kecil

BH 2 SEP 2007
PETALING JAYA: Ibu bapa dan guru perlu membentuk keperibadian mulia anak sejak kecil supaya mereka dapat membesar sebagai warga yang baik dan berguna, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, keperibadian seseorang kanak-kanak itu apabila dewasa bergantung kepada bentuk didikan yang diterima ketika mereka masih kecil.

“Jika kita bentuk mereka dengan nilai mulia, maka apabila dewasa mereka akan berpegang kepada nilai mulia.

“Sebaliknya, jika kita semai mereka dengan nilai buruk, apabila dewasa nanti sikap mereka tentulah tidak baik,” katanya ketika melancarkan kempen global ‘Katakan Ya Bagi Kanak-Kanak’ di Dewan Konvensyen Sunway Lagoon di sini, semalam.

Hadir sama isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Kempen anjuran kerajaan itu bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya ibu bapa supaya mewujudkan persekitaran kehidupan dunia yang mesra kanak-kanak.

Menerusi kempen itu, ibu bapa atau orang dewasa disaran mengatakan ‘ya’ kepada 10 tindakan asas iaitu: tiada kanak-kanak yang ketinggalan; utamakan kanak-kanak; penjagaan untuk semua kanak-kanak; hapuskan HIV/Aids; dan berhenti mencedera dan mengeksploitasi kanak-kanak.